

Cadangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) di Malaysia
Proposed Standard Operating Procedure (SOP) for Arrest and Detention of Autistic Individuals for Religious Enforcement Officers (PPA) in Malaysia

ZULIZA MOHD KUSRIN, Universiti Kebangsaan Malaysia
ZAHIDAH DAHALAN, Universiti Kebangsaan Malaysia
WAFAA' YUSOF, Universiti Kebangsaan Malaysia
MOHD AL ADIB SAMURI, Universiti Kebangsaan Malaysia
NURUL ILYANA MUHD ADNAN, Universiti Kebangsaan Malaysia
ZAINI NASOHAH, Universiti Kebangsaan Malaysia
ROSELIZA MURNI AB RAHMAN, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: September 12, 2021 Accepted: April 5, 2022 Online Published: June 15, 2022

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

Individu autisme merupakan mereka yang mengalami kecelaruan perkembangan neuro dalam sistem saraf otak dan menyebabkan defisit yang signifikan terutama dalam interaksi sosial dan komunikasi. Situasi ini menjadikan mereka berperilaku berlainan dengan individu tipikal dan sebahagiannya cenderung kepada pelanggaran undang-undang tanpa disedari. Oleh itu di Malaysia, satu Prosedur Operasi Standard (SOP) Khas Autisme Polis untuk tangkapan dan tahanan individu autisme yang disyaki melanggar undang-undang, telah dikuatkuasakan pada tahun 2019 untuk jenayah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Namun, belum terdapat SOP untuk tangkapan dan tahanan individu autisme yang disyaki melanggar undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah di peringkat negeri. SOP yang berbeza itu perlu diwujudkan kerana struktur sistem perundangan di Malaysia memisahkan bidang kuasa jenayah di peringkat persekutuan dan negeri. Justeru, objektif kajian ini bertujuan mencadangkan garis panduan SOP tangkapan dan tahanan individu autisme yang disyaki melanggar undang-undang jenayah syariah untuk penguat kuasa agama (PPA) negeri-negeri di Malaysia. Metodologi kajian adalah melalui analisis dokumen, perbincangan meja bulat (RTD) dan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama pengamal perundangan Islam, penguat kuasa agama, pakar autisme dan guru pendidikan khas di Malaysia. Data terkumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati cadangan garis panduan SOP tangkapan dan tahanan untuk individu autisme bagi kegunaan penguat kuasa agama ini perlulah diperinci dan disesuaikan dengan perilaku individu autisme melalui prosedur khusus, tahanan khusus, bukti dokumentasi serta rujukan undang-undang berkaitan.

Kata kunci : SOP, tangkapan, autisme, undang-undang syariah, penguat kuasa agama

ABSTRACT

Autistic individuals are those who have neuro developmental disorders in the brain's nervous system and cause significant deficits especially in social interaction and communication. This situation makes them behave differently from typical individuals and are partly tend to breaking the law unknowingly. Thus in Malaysia, a Special Autism Police Standard Operating Procedure (SOP) for the arrest and detention of autistic individuals suspected of violating the law, was enacted in 2019 for crimes under Federal jurisdiction. However, there are no SOP for the arrest and detention of autistic individuals suspected of violating the law for sharia criminal offenses at the state level. The different SOP need to be created because the structure of the legal system in Malaysia separates criminal jurisdiction at the federal and state levels. Thus, the objective of this study is to propose SOP guidelines for the arrest and detention of autistic individuals suspected of violating sharia criminal law for religious enforcement officer (PPA) of the states in Malaysia. The research methodology is through document analysis, roundtable discussion (RTD) and focus group discussion (FGD) with Islamic legal practitioners, religious enforcers, autism experts and special education teachers in Malaysia. The collected data were then analyzed descriptively and thematically. The results of the study found that the proposed SOP guidelines for arrest and detention for autistic individuals for the use of religious enforcement officer should be detailed and adapted to the behavior of autistic individuals through specific procedures, specific detention, documentary evidence and relevant legal references.

Keywords : SOP, arrest, detention, autism, syariah law, religious enforcement.

PENGENALAN

Dasawarsa ini sering meniti dari bibir ke bibir umat manusia di segenap empat penjuru dunia isu kes jenayah yang melibatkan individu autisme. Buktinya, di negara luar seperti New Mexico, Hong Kong, England mempunyai rekod peningkatan kes jenayah melibatkan individu autisme. Majoriti suspek merupakan mereka yang mengalami sindrom *asperger* dan juga dalam kategori darjah kefungsi tinggi/ *high functioning autism* (Woodbury-Smith et al 2006). Kebiasaannya, pelaku tersebut mempunyai masalah psikiatri juga (Allely 2015). Individu autisme dengan darjah kefungsi tinggi (HFA) sebahagiannya terlibat juga dengan kesalahan jenayah kerana mereka tidak menunjukkan defisit yang signifikan dalam masalah komunikasi, pengenalan serta pengluhan emosi berbanding mereka yang berkefungsi rendah (LFA) (Woodbury-Smith 2006). Komuniti autisme ini turut berada dalam golongan profesional, tetapi kecacatan otak tetap ada dalam dirinya. Walaupun mereka dalam kategori autisme, tetapi wujud juga dalam kalangan mereka yang memegang jawatan profesional misalnya saintis di negara Barat seperti Temple Grandin, Albert Einstein, Isaac Newton dan sebagainya. Oleh itu, mengadili golongan ini daripada proses perundangan biasa dianggap tidak adil kerana mereka termasuk dalam kategori golongan berkeperluan khas. Justeru, bagi menjamin hak perundangan mereka perlu dilakukan mengikut proses undang-undang khusus.

Di Malaysia, individu autisme termasuk dalam kategori individu kurang upaya menurut Akta 2008 (Akta Kurang Upaya). Seksyen 2 Akta 2008 mentafsirkan orang kurang upaya termasuklah yang mempunyai kekurangan jangka masa panjang fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Umumnya, setiap individu yang disyaki melanggar undang-undang jenayah akan ditangkap, ditahan dan disiasat atau dengan kata lain, dikuatkuasakan ke atas mereka prosedur pra perbicaraan jenayah. Penguatkuasaan ini tidak mengecualikan individu autisme sehinggalah pihak berkuasa dapat mengenalpasti status *ahliyyah* atau tanggungjawab jenayah mereka. Justeru, bagi memenuhi keperluan perundangan dan keadilan untuk golongan ini, suatu SOP tangkapan dan tahanan individu autisme untuk penguat kuasa agama sebagaimana SOP yang dilaksanakan oleh Polis di Raja Malaysia (PDRM) perlu dikaji dan diadakan.

Oleh itu, artikel ini memfokuskan kepada pengenalan ringkas kepada individu autisme dan keperluan mengadakan garis panduan tangkapan dan tahanan autisme untuk penguat kuasa agama. Perbincangan juga menganalisis cadangan dan pandangan informan berkenaan garis panduan tangkapan yang difikirkan sesuai untuk diaplikasikan kepada individu autisme yang terlibat dengan

kesalahan jenayah syariah semasa dalam proses tangkapan dan tahanan tersebut.

SOROTAN LITERATUR

1. Perilaku Individu Autisme dan Pelanggaran Undang-undang

Individu autisme mempunyai kesukaran dalam 3 perkara yang berlainan iaitu masalah dalam interaksi sosial, komunikasi dan proses tingkah laku (Ray 2021). Oleh kerana, masalah yang dialami oleh individu autisme berjulat daripada ringan kepada parah dengan kepelbagaian darjah simptom yang diperlihatkan, maka autisme dikelompokkan sebagai kecelaruan berspektrum dan ia dikenali sebagai kecelaruan spektrum autisme (*autism spectrum disorder*) (APA 2013). Perkembangan kognitif yang tidak normal dan lewat berbanding individu tipikal lain menjadikan mereka menunjukkan tingkah laku yang terhad (APA 2013; Whitbourne 2020). Ciri semula jadi ini turut memberi implikasi terhadap perilaku individu autisme tersebut, di mana kebanyakan mereka yang berkefungsi tinggi (HFA) terlibat dengan kesalahan jenayah, kerana kesan daripada simptom tingkah laku yang stereotaip dan terhad (Berryessa 2014).

Di negara luar, misalnya di Australia, New Zealand, Kanada, terdapat kes-kes jenayah serius yang melibatkan individu autisme seperti kes mencuri, mencederakan orang lain, melepaskan tembakan secara rambang, kesalahan siber serta kesalahan jenayah seksual (Freckelton 2011). Antara faktor mereka berperilaku melanggar undang-undang juga adalah berpunca daripada sifat semula jadinya yang defisit kemahiran sosial dan komunikasi (Lerner et al 2012). Kajian lalu mendapati, perilaku remaja autisme seperti melakukan masturbasi, menunjukkan kemaluan kepada khalayak ramai, menyentuh orang lain secara tidak sopan serta perilaku seksual yang lain berkemungkinan mereka melanggar norma masyarakat mahupun undang-undang (Zuraini & Zuliza 2017). Tambahan lagi perilaku tersebut juga terkandung dalam peruntukan Enakmen Undang-undang Jenayah Syariah negeri-negeri. Contohnya, dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 seksyen 20-29, terutama seksyen 29 mengenai perbuatan tidak sopan di tempat awam. Sekiranya terlibat, mereka berisiko dikenakan tindakan undang-undang. Misalnya, Di Malaysia, kes pada tahun 2018, di mana seorang pemuda autisme, telah ditangkap dan ditahan oleh pihak Polis bagi membantu siasatan kes mencabul kehormatan seorang wanita di sebuah restoran di Subang Jaya. Tertuduh didakwa telah memegang dada wanita tersebut, tangkapan dan tahanan telah dibuat mengikut prosedur biasa, bahkan tertuduh juga telah ditahan di lokap seharian bagi membantu proses penyiasatan. Berikutan prosedur biasa yang digunakan menyebabkan timbul aduan daripada penjaga serta masyarakat tentang ketidakadilan yang berlaku

terhadap individu autisme tersebut. Implikasinya, kes ini menjadi pencetus diwujudkan SOP tahanan dan tangkapan autisme untuk pihak polis (Zuliza et. al 2021). Oleh itu, pengendalian tangkapan dan tahanan individu autisme yang disyaki melanggar undang-undang perlulah diambil serius kerana kesilapan dalam tindakan menangkap dan menahan mereka mampu memberi kesan negatif kepada orang awam dan individu autisme tersebut juga (Wong 2008).

SOP tangkapan dan tahanan individu autisme yang terlibat dalam kes-kes jenayah telah dikuatkuasakan di negara-negara luar seperti di Hong Kong, England, New Mexico, Virginia dan sebagainya. SOP ini bertujuan untuk memastikan mereka mendapat layanan yang setimpal dengan keadaan dirinya yang berkeperluan khas. SOP tersebut turut mengambil kira ciri-ciri individu autisme yang boleh menyebabkan mereka berasa terancam dan seterusnya bertindak di luar kawalan. Antara ciri utama yang perlu difokuskan adalah masalah dalam proses tingkah laku dan kedieriaan sensitif (Berryessa 2014). Ini kerana, menurut Howlin (2004), empat faktor individu autisme terlibat dengan jenayah adalah kerana kenaifan sosial, pencerobohan oleh kerana rutin yang terganggu akibat salah faham sosial, tingkah laku obsesif dan kekurangan pemahaman tentang implikasi tingkah laku.

Individu autisme yang mempunyai masalah dalam proses tingkah laku (*behavioral process*) misalnya tingkah laku berulang-ulang/perilaku stereotaip dan rigid terhadap rutin harian (Baron-Cohen & Belmonte 2005, Kamio et al 2011) berisiko menghadapi kesukaran dalam mengawal tingkah laku sekiranya perkara yang berlaku tidak seiring dengan keinginannya (Fariza et al 2017). Misalnya, gangguan terhadap perkara rutin menyebabkan implikasi negatif terhadap individu autisme tersebut. Hal ini boleh dibuktikan melalui kes *R Iwn Clarke* [2015] ECWA Crim 2192, tertuduh mengalami masalah pembelajaran di samping autisme, diberikan perkhidmatan sokongan 55 jam seminggu. Tertuduh juga mempunyai perilaku rutin seperti menulis aktiviti harian dalam buku log miliknya. Namun, apabila staf khusus yang menjaganya tidak membenarkannya berbuat perilaku rutin tersebut, walaupun pada mulanya tertuduh akur namun kemudiannya bertindak agresif dengan menghunus pisau dan mengancam dengan mengugut untuk membunuh staf tersebut.

Begitu juga pengakuan yang dibuat oleh seorang autisme iaitu Temple Grandin, seorang profesor dalam bidang *Animal Science* di Colorado State University, bahawa ketika beliau didiagnos mempunyai sindrom *asperger*, adakalanya fikiran beliau tidak dapat berfikir secara tepat, berperilaku berulang-ulang, sangat sensitif terhadap bunyi dan akan bertindak memukul atau mencakar diri sendiri. Beliau juga tidak tahu untuk berinteraksi antara satu sama lain (Grandin 2009). Ini kerana, terdapat masalah gangguan pemprosesan sensori yang berlaku dalam dirinya. Menurut kajian di United States (US), Universiti North Carolina Chapel Hill, mendapati, Gangguan

Pemprosesan Sensori (*sensory processing disorder*) yang juga dikenali sebagai *sensory integration Dysfunction*) dalam kalangan individu autisme mungkin setinggi 90% (Baranek et al., 2006; Lee Kam et al., 2007; Tomchek & Dunn, 2007; Baker et al., 2008) dan sekurang-kurangnya 5% hingga 16% daripada populasi awam (Ahn et al., 2004; Ben-Sasson et al., 2009). Ianya boleh mengganggu satu, sebahagian, atau kesemua sensori. Satu ketidakfungsian sensori akan menjejaskan beberapa kefungsian badan.

Sekiranya satu atau lebih sensori yang terganggu, maklumat sensori yang dihantar ke otak menjadi tidak tepat. Maklumat menjadi tidak teratur dan menyebabkan individu tersebut mentafsirkan persekitaran dengan cara yang berbeza. Bagi kanak-kanak dan orang dewasa yang mengalami SPD, masalah ini adalah kronik dan menjejaskan aktiviti kehidupan seharian mereka. Mereka yang mengalami SPD akan mengalami hipersensitif atau hipersensitif yang mungkin juga akan menyebabkan masalah skil motor dan tingkah laku (emosi). Antara gejala-gejala yang dialami adalah seperti Hipersensitif kepada sentuhan, pergerakan, penglihatan, atau bunyian, impulsif, kurang kawalan diri, kesukaran untuk beralih dari satu situasi ke situasi yang lain, tidak dapat menenangkan diri, senang terganggu dan tahap aktiviti yang terlalu tinggi atau terlalu rendah (Kementerian Kesihatan Malaysia 2021).

Ini jelas menunjukkan bahawa, individu autisme tidak boleh dilayani berlainan daripada rutin hariannya kerana akan memberi implikasi negatif bukan sahaja terhadap orang lain bahkan terhadap diri mereka sendiri. Pemantauan dan bimbingan daripada ibu bapa mahupun penjaga amat diperlukan bagi membantu mengawal individu autisme ini daripada berperilaku agresif dan berasa gelisah disebabkan gangguan sensori yang dialami, terutama apabila melibatkan faktor luar seperti bunyi yang bising atau orang yang tidak dikenali seperti tangkapan daripada pihak penguat kuasa dan sebagainya.

2. Status Kedudukan Individu Autisme dalam Sistem Keadilan Jenayah

Perundangan di Malaysia melindungi golongan yang mengalami masalah kesihatan mental dengan penggubalan beberapa akta, antaranya Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) dan Pengecualian Am di dalam Kanun Keseksaan. Kedua-dua undang-undang tersebut tidaklah khusus merujuk kepada golongan autisme. Walaupun kajian perubatan telah mengesahkan bahawa individu autisme mengalami kecelaruan spektrum berperingkat, mempunyai masalah pembelajaran juga, namun sistem perundangan di Malaysia, sama ada undang-undang Sivil mahupun Islam masih belum mempunyai keputusan khusus dalam menentukan status ahliyyah atau tanggungjawab undang-undang untuk individu autisme jika mereka melanggar undang-undang. Namun berikutan perilaku tersendiri mereka, mendorong kemungkinan ianya dianggap melanggar

undang-undang, terutamanya jika perlakuan tersebut melibatkan pelanggaran atau pencabulan hak orang lain. Semestinya jika aduan dilakukan oleh orang awam, proses yang biasa dilakukan oleh pihak berkuasa polis atau penguat kuasa agama ialah membuat tangkapan dan tahanan untuk tujuan penyiasatan. Oleh itu dalam mencadangkan SOP tangkapan dan tahanan autisme, akta atau undang-undang yang berkaitan hak golongan yang mempunyai ketidaksempurnaan akal dirujuk sebagai panduan.

Contohnya Akta Kesihatan Mental 2001, menyatakan suspek atau tertuduh yang dibuktikan tidak sempurna akal tidak akan disabitkan dengan kesalahan jenayah kerana mereka dianggap tidak bertanggungjawab terhadap perlakuan mereka. Mereka boleh dikesualkan dari liabiliti jenayah sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 84 dari Kanun Keseksaan berkaitan Pengecualian Am. Peruntukan di bawah Pengecualian Am tersebut antaranya menyatakan bahawa tidak menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang pada masa melakukannya, oleh sebab akalnya tidak sempurna, tidak berupaya mengetahui keadaan perbuatan itu, atau apa yang dilakukan sama ada salah (moral) atau berlawanan dengan undang-undang.

Peruntukan undang-undang yang sama seperti Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615) dirujuk dan dibaca bersama Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) dalam pelanggaran kes jenayah yang melibatkan individu yang tidak sempurna akal. Antaranya, hak-hak pesakit yang dirawat di hospital psikiatri untuk mendapatkan rawatan, hak penginapan yang selesa, hak berkomunikasi, tatacara konvulsif serta tatacara pengekangan dan pengasingan.

Peruntukan undang-undang tersebut adalah dalam bentuk umum sahaja dan tidak memfokuskan kepada golongan autisme. Oleh itu dalam usaha mencadangkan SOP tangkapan dan tahanan khusus untuk individu autisme, pengecualian yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang tersebut wajar dirujuk bagi memastikan hak perundangan individu autisme terjamin. Cadangan SOP untuk penguat kuasa agama juga perlu diperincikan bersesuaian dengan keperluan penguatkuasaan terhadap golongan individu autisme.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah kajian kualitatif menerusi kaedah analisis dokumen, perbincangan kumpulan fokus (FGD) dan perbincangan meja bulat (RTD). Temu bual dijalankan bersama informan kajian secara dalam talian (online) menggunakan aplikasi *Google Meet*. Pemilihan kaedah ini sejajar dengan objektif kajian dalam mencadangkan garis panduan tangkapan individu autisme untuk penguat kuasa agama di Malaysia.

Temu bual ini melibatkan seramai 16 orang peserta kajian yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing (3 hakim syarie, 2 pegawai


penguat kuasa agama, 2 pakar autisme dan 9 orang guru pendidikan khas). Dalam kajian ini, informan dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di sekitar negeri-negeri di Malaysia. Ciri-ciri informan adalah:

- a) Hakim Syarie terlibat dengan sektor perundangan dan kehakiman syariah secara langsung melebihi tempoh 5 tahun. Salah seorangnya merupakan Ketua Hakim Syarie di Negeri Sembilan dan 2 informan lagi sedang berkhidmat sebagai Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri Melaka dan Selangor di Malaysia.
- b) Pegawai Penguat kuasa Agama (PPA), mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang luas dalam bahagian penguatkuasaan kerana informan merupakan Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan di negeri Melaka dan Selangor melebihi tempoh 5 tahun.
- c) Pakar autisme yang terlibat mempunyai kelayakan dalam bahagian psikiatri, berkhidmat di HCTM dan Fakulti perubatan UKM melebihi tempoh 5 tahun.
- d) Informan guru merupakan guru pendidikan khas di pusat autisme swasta, terlibat dengan pendidikan remaja autisme di (*The National Autism Society of Malaysia*, NASOM) dan Pusat Kanak-Kanak Istimewa Bangi (PKIB), yang beroperasi di bandar, terlibat dengan pendidikan remaja autisme terlatih dan menggunakan kurikulum yang selari serta telah berkhidmat melebihi tempoh 5 tahun.

Semua informan yang terlibat dipelawa untuk melibatkan diri sebagai informan kajian melalui prosedur jemputan yang telah ditetapkan. Borang pemberian persetujuan telah dilampirkan bersama surat jemputan semasa pemakluman awal kepada peserta kajian. Dalam borang berkenaan, kedua-dua pihak bersetuju bahawa dapatan kajian ini hanya digunakan untuk tujuan penulisan akademik. Setelah mendapat persetujuan, sesi temu bual dijalankan secara dalam talian dan direkodkan. Melalui kaedah ini, data temu bual kemudian ditranskripsikan secara manual sebaik sahaja sesi temu bual selesai dijalankan. Data kemudiannya dibuat penelitian untuk menjana kod awal dengan mengklasifikasikan data tersebut kepada beberapa kumpulan tertentu dan dianalisis secara tematik berpandukan objektif kajian. Respons daripada informan adalah berdasarkan pemerhatian dan pengalaman mereka sepanjang penglibatan dalam bidang masing-masing.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Terdapat beberapa cadangan daripada informan kajian berkenaan SOP tangkapan individu autisme untuk penguat kuasa agama (PPA) di Malaysia seperti yang terkandung dalam Rajah 1: Cadangan SOP Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk PPA di Malaysia di bawah:



Rajah 1: Cadangan SOP Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk PPA di Malaysia
(Sumber Perbincangan Meja Bulat 2020 dan Temu bual Kumpulan Fokus 2021)

Rajah 1 menunjukkan respons melalui Perbincangan Meja Bulat 2020 dan Temu bual kumpulan fokus 2021 bersama pengamal perundangan Islam, penguat kuasa agama, pakar autisme serta guru pendidikan khas di Malaysia mengenai cadangan SOP tangkapan dan tahanan individu autisme untuk penguat kuasa agama di Malaysia. Majoriti informan bersetuju SOP tersebut mestilah mempunyai 4 elemen utama iaitu prosedur khusus, tahanan khusus, bukti dokumentasi serta mempunyai peruntukan undang-undang yang dirujuk. 4 elemen utama ini perlu ditekankan dalam proses tangkapan dan tahanan individu autisme tersebut selari dengan peruntukan Akta 615 (Akta Kesihatan Mental) serta Hak kesamarataan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 8. Antara cadangannya ialah:

1. Tangkapan
 - a. Prosedur khusus

Garis panduan atau SOP adalah mekanisme perundangan yang dirangka dan dikuatkuasakan untuk memberi kemudahan kepada penguat kuasa agama dalam tindakan mereka. SOP akan memperincikan sebahagian peruntukan di dalam akta atau enakmen yang berkaitan. Justeru, prosedur yang terkandung dalam SOP untuk individu autisme ini juga mestilah mempunyai pengkhususan terutama dari aspek kaedah tangkapan dan tahanan.

Informan kajian mencadangkan supaya memuatkan pengkhususan prosedur dalam garis panduan atau SOP tersebut antaranya semasa dalam proses tangkapan, pihak penguat kuasa mestilah tidak menggunakan kekerasan, pemakluman awal daripada pihak penguat kuasa agama, tidak menggunakan siren, perlu kepada khidmat ibu bapa, perlu mengenalpasti tahap autisme bagi pesalah tersebut terlebih dahulu sebelum mengadakan sebarang tangkapan serta garis panduan tersebut mestilah ada takrifan khusus mengenai autisme sebagai pendedahan kepada penguat kuasa agama semasa menjalankan tugas. Dari segi tahanan, individu autisme perlulah dikategorikan sebagai tahanan khusus iaitu penahanan dilakukan di rumah serta memerlukan bantuan daripada rakan autisme.

Berdasarkan cadangan tersebut, terdapat beberapa elemen yang sama dan diguna pakai dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) tangkapan biasa seperti pemakluman awal dan takrifan khusus termasuklah kenalpasti tahap autisme. Prosedur khusus seperti tidak menggunakan kekerasan, tidak menggunakan siren, khidmat ibu bapa difikirkan perlu atas faktor perkaitannya dengan ciri semula jadi autisme seperti keterbatasan sensitif, kefahaman tidak normal serta rigid terhadap rutin harian. Hal ini disahkan melalui kajian Berryessa (2014) bahawa kebanyakan individu autisme berkefungsian tinggi (HFA) terlibat dengan jenayah disebabkan oleh sebahagian daripada gejala gangguan yang dialami menjadikan mereka bertindak di luar kawalan.

i. Tidak menggunakan kekerasan/ Tidak Menggunakan Siren

Informan kajian bersetuju untuk dimuatkan dalam garis panduan atau SOP untuk penguat kuasa agama agar tidak menggunakan kekerasan. Misalnya, semasa proses tangkapan, individu autisme yang disyaki bersalah tersebut tidak perlu digari dan pihak penguat kuasa agama perlulah memiliki kemahiran komunikasi yang baik/ berhemah. Hal ini dinyatakan oleh informan seperti berikut :

“Kalau ikut saya tak perlu gari sebab dia tak melawan pun biasanya kalau gari yang mungkin melawan” (GPPKI Selangor 1)

“mungkin cukup dengan ibu dia pimpin je, maksudnya dia agresif dengan orang lain

tapi kalau pegang tangan mak dia je boleh”(Guru PKIB 1)

Individu autisme perlulah dilayani dengan kaedah tangkapan yang bersesuaian. Justeru, kaedah tangkapan biasa PPA seperti yang terkandung dalam Arahan Tetap Jabatan Agama Islam Negeri 2007 perlulah diperincikan dengan garis panduan khusus untuk autisme. Ini kerana, peruntukan yang terdapat dalam jenayah syariah hanya menyatakan secara umum sahaja (Zurul & Zaini 2020). Terutamanya, tindakan penguat kuasa semasa di lokasi (tangkapan) perkara 7(e) dalam Arahan Tetap tersebut, iaitu jika pegawai operasi syak yang munasabah suatu kesalahan yang dilakukan OYDS, tangkapan dilakukan dengan apa-apa cara yang munasabah, iaitu dengan cara menyentuh atau mengurung tubuh OYDS, melainkan ia serah serah diri.

Prosedur yang digunapakai untuk tangkapan biasa ini jika dilaksanakan terhadap individu autisme yang disyaki melanggar undang-undang, boleh mengakibatkan ianya bersalahan dengan Akta 615/ Akta Kesihatan Mental. Oleh itu, bagi mengelakkan pesalah autisme tersebut berperilaku agresif, semasa proses tangkapan, penguat kuasa agama boleh bertindak menggunakan kuasa budi bicaranya dengan tidak perlu menggari tangan individu autisme tersebut. Ini kerana tindakan menggari boleh menyebabkan mereka berasa gelisah dan ketakutan serta bertindak agresif terhadap ancaman rentetan masalah interaksi sosial yang dialami (Maria et al 2020).

Selain itu , penguat kuasa agama juga perlu memiliki kemahiran komunikasi yang baik dan berhemah seperti kenyataan informan berikut:

“perlulah bijak mengawal situasi apabila telah mengenalpasti individu ini adalah individu autisme iaitu dengan mengelakkan sebarang provokasi iaitu kena cakap dengan lemah lembut, bukan dengan nada yang tinggi, mungkin kena cakap ulang-ulang atau bahasa yang mudah secara terus yang buat mereka faham akan kesalahan yang mereka lakukan”(Pegawai Penguat kuasa Agama Melaka)

“kita kena guna pendekatan yang berhemah supaya kerjasama daripada pesalah autisme ini dapat

dikendalikan dengan baik” (Pegawai Penguat kuasa Agama Selangor)

Kemahiran komunikasi merangkumi kaedah mengelakkan provokasi, menjaga tutur kata, intonasi, bahasa yang mudah difahami turut membantu proses tangkapan tersebut dijalankan dengan berkesan. Ciri kederaian sensitif individu autisme juga dilihat wujudnya kewajaran untuk penguat kuasa agama agar tidak menggunakan siren semasa berada di lokasi. Ini kerana, individu autisme biasanya mempunyai kesukaran untuk mengatur, memahami dan mentafsirkan maklumat sensori mereka rentetan Gangguan Pemprosesan Sensori (SPD) yang dialami. Seseengah mereka juga mungkin tidak tahan dengan cahaya dan bunyi sehingga menyebabkan mereka bereaksi luar biasa terhadap sensori dan keinginan untuk mendapatkan sensori yang tinggi (Kementerian Kesihatan Malaysia). Tambahan pula, PPA tiada penggunaan siren menyebabkan tiada keperluan untuk dimuatkan garis panduan tersebut semasa tangkapan (Shahrom 2021).

ii. Kerjasama Ibu bapa

Penguat kuasa agama juga boleh meminta khidmat ibu bapa/ penjaga atau individu yang rapat dengan individu autisme tersebut bagi membantu proses tangkapan dijalankan dengan lancar seperti kenyataan berikut:

“pihak penjaga atau yang terdekat perlu dihubungi bagi menangani masalah yang mungkin wujud semasa tangkapan oleh bahagian penguatkuasaan” (Pegawai Penguatkuasa Agama Selangor)

Signifikannya bagi mengelakkan sebarang masalah atau kekangan yang mungkin wujud semasa proses tangkapan dilakukan. Ini kerana, keperibadian individu autisme yang “asosial” serta rigid terhadap rutin harian dan selesa dengan individu tertentu (Freckelton 2011) menyebabkan perlunya bantuan daripada pihak lain.

b. Bukti Dokumentasi

Bukti Dokumentasi signifikan dalam proses tangkapan bagi membezakan layanan undang-undang terhadap golongan yang berkeperluan khas dengan golongan tipikal. Kad OKU menurut tafsiran 2 Akta Kurang Upaya 2008, ertinya kad yang dikeluarkan di bawah seksyen 25 Akta 685. Mereka yang mempunyai kad ini, berupaya untuk mendapat akses dalam pendidikan dan kesihatan. Sekiranya mereka (autisme) mempunyai kad OKU, mereka berhak mendapat layanan yang setimpal seperti yang termaktub dalam Akta 2008. Walau bagaimanapun terdapat juga individu autisme yang tidak didiagnos menyebabkan status OKU mereka tidak diketahui. Situasi ini memberi implikasi bukan sahaja kepada individu berkeperluan khas (autisme) yang terbabit dengan kesalahan jenayah bahkan memberi kesan kepada penguat kuasa untuk menjalankan tugas dengan berkesan. Hal ini telah dinyatakan oleh

Penguat kuasa agama Melaka seperti kenyataan berikut :

“ketika berada di lokasi dan proses tahanan yang mana Pegawai Penguat kuasa Agama perlu peka untuk kenalpasti atau YDS itu.....mereka membuktikan satu bukti dokumentasi iaitu kad OKU. Kad ini dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kerana secara fizikalnya kita sukar mengenalpasti individu autisme kerana mereka ini sama seperti individu normal yang lain” (Pegawai Penguatkuasa Agama Melaka)

Ketiadaan Kad OKU tersebut memberi kesukaran kepada pegawai penguat kuasa agama untuk mengenalpasti status pesalah autisme tersebut dari aspek fizikal semata-mata, terutama bagi mereka yang berada dalam kategori darjah kefungsi tinggi (Woodbury-Smith 2006). Situasi ini berisiko tinggi untuk berlaku kerana individu yang menghidap sindrom *asperger* didapati berkefungsi tinggi dalam interaksi sosial dan dilihat sama seperti individu tipikal berbanding perilaku yang dipamerkan oleh individu autisme berkefungsi rendah (Ray 2021). Oleh itu, sekiranya mereka mempunyai Kad OKU, mereka layak mendapat layanan sama seperti golongan berkeperluan khas, namun jika keadaan sebaliknya (individu autisme tidak mempunyai kad OKU) dan tetap terdapat keraguan tentang kestabilan mental semasa kesalahan tersebut dilakukan misalnya ketidaksempurnaan akal, maka perlu kepada laporan pemeriksaan doktor dan rekod kesihatan daripada Hospital (‘Abas & Abdul Razak 2021).

2. Tahanan

a. Tahanan Khusus

Dari aspek tahanan, informan kajian mencadangkan agar individu autisme dikategorikan sebagai tahanan khusus iaitu penahanan hanya dilakukan di rumah sahaja serta memerlukan bantuan daripada rakan autisme. Penahanan di rumah adalah di bawah jaminan daripada ibu bapa/ penjaga seperti kenyataan berikut:

“Kalau boleh saya mencadangkan individu autisme tak sewajarnya ditangkap, mungkin kita boleh ambil pendekatan lain iaitu kita letak di bawah kawalan ibu bapa atau keluarga.. Mungkin jaminan tu datang daripada keluarga maknanya individu autisme ini dijamin tak melarikan diri dan penguat kuasa boleh menjalankan tugas untuk menjalankan siasatan dan sebagainya” (Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan)

Implementasi penahanan tersebut adalah bagi mengurangkan risiko perilaku agresif individu autisme dalam memberi kerjasama semasa proses siasatan dengan penguat kuasa agama. Sekiranya individu autisme ditahan di penjara, maka ia adalah bersalahan dengan Akta 615, iaitu hak pesakit psikiatri (autisme) untuk mendapatkan penginapan yang selesa. Manakala, penahanan di rumah, individu autisme berada di samping orang yang dipercayai seperti ibu bapa/ penjaga. Situasi ini, mampu memberi

ketenangan kepada individu terbabit kerana tidak mengganggu keperluan rutinnya (Berryessa 2014).

Informan kajian juga bersetuju untuk mengesyorkan agar pihak penguat kuasa agama mendapatkan bantuan daripada pihak Rakan Autisme atau perantara semasa proses tangkapan dan tahanan dilakukan. Misalnya, dalam SOP Autisme Polis, terdapat bantuan daripada Rakan Autisme, iaitu mereka yang terdiri daripada ibu bapa, guru dan sukarelawan mampu membantu untuk berkomunikasi dengan individu autisme tersebut bagi memudahkan pihak penguat kuasa menjalankan tugas dengan baik. Kaedah sedemikian dipraktikkan dalam SOP-SOP Autisme luar negara, yang dianggap sebagai bantuan “Perantara” seperti di England dan Wales. Di England, pihak penguat kuasa boleh meminta bantuan daripada perantara bagi memudahkan komunikasi dengan individu autisme terutama dalam sistem keadilan jenayah (proses pra-perbicaraan dan perbicaraan di Mahkamah) yang dinamakan *Appropriate Adult (AA) and Intermediaries* iaitu individu dewasa yang sesuai dan perantara. Signifikannya bagi membantu individu autisme memahami perkara yang sedang berlaku, memberikan sokongan serta memudahkan komunikasi dua hala antara penguat kuasa dan tahanan individu autisme.

Manakala, di Malaysia, pendekatan ini telah diadaptasi dalam SOP Autisme Polis yang telah diwartakan pada Mac 2019. Ini adalah disebabkan rentetan kes Ahmad Ziqri (2018), kes tersebut telah mendapat liputan media serta mengundang pelbagai spekulasi masyarakat awam kerana tangkapan dan tahanan mengikut prosedur biasa, bahkan tertuduh yang merupakan individu autisme juga kategori berkeperluan khas, ditahan dalam lokap dan digari selama satu hari bagi membantu siasatan. Lebih memilukan apabila, ibu kepada tertuduh juga, kesal dan mengakui bahawa anaknya tidak memahami perkara yang berlaku bahkan diminta untuk memberi keterangan, namun anaknya hanya mampu menurunkan tanda tangan sahaja (Ahmad Suhael 2018). Justeru, kekangan untuk membantu individu autisme tersebut untuk memahami situasi dan memberi maklum balas komunikasi turut mempengaruhi implikasi hasil siasatan dan mencetuskan diskriminasi keadilan bagi golongan berkeperluan khas.

3. Rujukan kepada Perundangan Khusus (Tangkapan dan Tahanan)

Sehingga kini, tiada SOP Autisme untuk Penguat kuasa Agama di peringkat negeri. Justeru, bagi menghasilkan garis panduan tangkapan individu autisme untuk PPA ini, semestinya ada peruntukan undang-undang yang dirujuk. Informan kajian bersetuju untuk mengadakan satu Akta khusus untuk individu autisme (Liney Diana 2020) bagi menjamin keadilan untuk golongan ini. Penghasilan garis panduan ini boleh merujuk kepada beberapa statut perundangan khusus seperti Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615), Pengecualian Am dalam Kanun

Prosedur Jenayah (Akta 593), SOP Tangkapan dan Tahanan Autisme untuk Polis dan perundangan syariah sedia ada, seperti kenyataan informan berikut:

“PPA ni ada Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri 2007 untuk garis panduan berkaitan tangkapan” (Hakim Syarie Melaka)

“dari segi prosedur kerja dan aduan kita tally kan saje dengan arahan tetap yang digunapakai” (Pegawai Penguatkuasa Agama Melaka)

“mungkin kita boleh sesuaikan dengan arahan tetap yang 2007 tu” (Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan)

Majoriti pengamal perundangan Islam bersetuju untuk merujuk kepada Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 untuk cadangan prosedur tangkapan individu autisme untuk Penguat kuasa agama. Ini kerana, secara asasnya prosedur kerja yang digunapakai tidak mempunyai perbezaan yang terlalu ketara, namun untuk golongan berkeperluan khas (autisme) ia memerlukan perincian lanjut berdasarkan perilaku tersendiri individu autisme itu tersendiri dan perundangan awam yang melindungi hak individu yang mengalami kecacatan mental.

Walaupun begitu, peruntukan perundangan sedia ada seperti Akta Kesihatan Mental (2001), Kanun Keseksaan (Akta 574) serta model SOP Autisme Polis juga dirujuk bagi membantu penyediaan SOP Autisme untuk Penguat kuasa Agama (PPA) di peringkat negeri. Ini kerana, peruntukan sedia ada dalam perundangan syariah lebih bersifat umum berbanding dengan Kanun Keseksaan terutama dari segi elemen, definisi dan sebagainya. Bahkan, menjadi isu sehingga kini dalam sistem keadilan jenayah syariah (Zurul & Zaini 2020). Oleh kerana, sebahagian tafsiran dalam peruntukan perundangan syariah adalah kabur, maka ia boleh menyebabkan penguatkuasaan dan pendakwaan sukar untuk dijalankan (Mohd Azri & Mohd Al Adib 2017).

KESIMPULAN

Ketiadaan prosedur khusus untuk individu autisme dalam perundangan syariah menyebabkan perlunya SOP khusus untuk tangkapan dan tahanan autisme untuk kegunaan penguat kuasa agama negeri. Perbezaan bidang kuasa sivil dan syariah juga menjadi asbab utama SOP Autisme Polis sedia ada tidak dapat digunapakai untuk kesalahan jenayah syariah. Justeru, majoriti informan bersetuju, untuk menghasilkan garis panduan SOP tangkapan dan tahanan autisme untuk kegunaan penguat kuasa agama negeri. 3 elemen utama yang perlu ada iaitu prosedur khusus, bukti dokumentasi serta rujukan perundangan khusus. Hal ini kerana, kesemua elemen ini merangkumi sistem perundangan, hak individu autisme serta mengelakkan tohmahan masyarakat terhadap pihak pegawai penguat kuasa agama semasa menjalankan proses

tangkapan ke atas individu autisme yang disyaki terlibat dengan kesalahan jenayah syariah. Justeru, cadangan garis panduan SOP tangkapan dan tahanan ini adalah perlu bagi menjamin keadilan individu autisme muslim yang melanggar undang-undang jenayah syariah di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Kumpulan Penyelidikan dari Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi tajuk penyelidikan “Pembinaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Pengendalian Tahanan Individu Autisme oleh Penguat kuasa Agama” (Kod Penyelidikan-FRGS/1/2019/SS06/UKM/02/4) serta Kementerian Pendidikan Malaysia, atas biaya geran penyelidikan tersebut.

RUJUKAN

- Ahn R. R., Miller L. J., Milberger's., McIntosh D. N. (2004). Prevalence of parents' perceptions of sensory processing disorders among kindergarten children. *Am. J. Occup. Ther.* 58, 287–302.
- Allely CS. 2015. Autism Spectrum Disorder in the Criminal Justice System: Police Interviewing, the Courtroom, and the Prison Environment. University Of Gothenburg, Sweden.
- American Psychiatric Association. 2013. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition (DSM-5)*. Washington DC: American Psychiatric Association (APA).
- Baranek G. T., David F. J., Poe M. D., Stone W. L., Watson L. R. (2006). Sensory experiences questionnaire: discriminating sensory features in young children with autism, developmental delays, and typical development. *J. Child Psychol. Psychiatry*.
- Ben-Sasson A., Carter A. S., Briggs-Gowan M. J. (2009). Sensory over-responsivity in elementary school: prevalence and social-emotional correlates. *J. Abnorm. Child. Psychol.* 5, 705–716.10.1007/s10802-008-9295-8
- Berryessa, C. (2014). Judiciary views on criminal behaviour and intention of offenders with high-functioning autism. *J. Intellectual Disab. and Offend. Behav.*, 5:2, 97-106.
- Collen M. Berryessa. 2016. Brief Report: Judicial Attitudes Regarding Sentencing of Offender of High Functioning Autism. *Journal of Autism*, 46 (8): 2770-2773.
- Connie Wong, Samuel L Odom, Kara Hume & Angel Fetting. 2014. Evidence- Based Practices for Children, Youth, and Young Autism Spectrum Disorder: A Comprehensive Review. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. DOI: 10.1007/s10803-014-2351-z.

- Fariza Md.Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd.Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhammad. 2017. Panduan Syariah untuk Ibu bapa Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 169-182.
- Grandin, T. (2010). How does Visual Thinking Work in the Mind of a Person with Autism? A Personal Account. *Philosophical Transactions of the Royal Society B*, 364, 1437-1442.
- Ian Freckelton. 200. Autism Spectrum Disorders and the Criminal Law. A Comprehensive Book on Autism Disorder. Dr. Muhammad- Reza Mohammadi (ED)
- Kementerian Kesihatan Malaysia. Gangguan Pemrosesan Sensori (SPD) <http://www.myhealth.gov.my/sensori-integrasi-terapi-untuk-kanak-kanak-autisma/>. [26 Oktober 2021]
- Leekam S. R., Libby S. J., Wing L., Gould J. (2007). Describing the sensory abnormalities of children and adults with autism. *J. Autism Dev. Disord.* 37, 894–910.10.1007/s10803-006-0218-7.
- Lerner, M.D., Haque, O.S., Northrup, E.C., Lawer, L. & Bursztajn, H.J. 2012. Emerging Perspectives on Adolescents and Young Adults with High-functioning Autism Spectrum Disorders, Violence, and Criminal Law. *Journal of the American Academy of Psychiatry and the Law* 40(2): 177–190.
- Mohd Azri & Mohd Al Adib Samuri. 2017. Analisis Matan Undang-Undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law* 2(1): 1-30.
- Howlin, P. (2004). Autism: Preparing for adulthood (2nd ed.). London: Routledge Ray, W.J. 2021. *Abnormal Psychology*. Edisi Ke-3. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, Inc.
- Siti Zubaidah Ismail. 2008. Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Syariah, Jil.16* 537-554.
- Tomchek S. D., Dunn W. (2007). Sensory processing in children with and without autism: a comparative study using the short sensory profile. *Am. J. Occup. Ther.* 61, 190–200.
- Whitbourne, S.K. 2020. *Abnormal Psychology: Clinical perspectives on psychological disorders*. Edisi Ke-9. New York: McGraw-Hill Education.
- Woodbury- Smith, I.C.H. Clare, A.J Holland & A. Kearns. 2006. High Functioning Autistic Spectrum Disorders, Offending and Other Law-Breaking: Findings from a community sample. *The Journal of Forensic Psychiatry & Psychology*. march 17(1):: 108-120.
- Zuliza Mohd Kusrin, Wan Nur A'ina Mardhiah Wan Rushdan & Mohd Al Adib Samuri. 2021. Standard Operating Procedure (SOP) for Arrest and Detention of Autists by Royal Malaysia Police (PDRM). *Pertanika Journal Social Science and Humanities* 29 (1): 175-191.
- Zuraini Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin. 2017. Remaja Autisme dan Perilaku Seksual. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zurul Iman bin Zakaria & Zaini Nasohah. 2020. Tafsiran Peruntukan Kesalahan Bersekediaman dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 42(1) p.p. 23-230.

Statut

- Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615)
Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997
Akta Kurang Upaya 2008 (Akta 2008)
Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Negeri 2007
Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
Kanun Keseksaan (Akta 574)
SOP Autisme Polis (2019)
Perlembagaan Persekutuan

Perbincangan Meja Bulat (RTD)

- Azmah binti Daud, 2020, Pegawai Pemulihan Cara kerja, National Autistic Society of Malaysia (NASOM), Ara Damansara, Petaling Jaya, Selangor.
- Dr. Nor Azlin Kamal Nor, 2020, Jabatan Pediatrik, HUKM, Kuala Lumpur. Liew Bee Wah, 2020, Senior Psychologist, National Autistic Society of Malaysia (NASOM), Ara Damansara, Petaling Jaya, Selangor.
- Prof. Madya Dr. Fairuz Nazri binti Abd Rahman, 2020, Jabatan Pediatrik, HUKM, Kuala Lumpur.
- Tuan Sharom bin Maarof, 2020, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Selangor.
- Tuan Zurul Iman bin Zakaria, 2020 Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Melaka.
- Y.A Tuan Abdul Razak Mat Nayan, 2020, Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Melaka (MSNM), Melaka.
- Y.A Tuan Zulfikri Yaso, 2020, Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Selangor (JAKESS), Shah Alam, Selangor. Y.A.A Dato' Abas bin Nordin, 2020, Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS), Seremban, Negeri Sembilan.

Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)

- Liney Diana, 2020, National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.
- Mohd Talha bin Nawari. 2020. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mustafa, Pasir Panjang, Sekinchan, Selangor
- Nazima Zakaria, 2021, Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi, PKIB), Kajang, Selangor.

Nuraiza Naziha binti Khalidi, 2021, Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi, PKIB), Kajang, Selangor.

Nurul Ain bt Mohd Ilias, 2020, National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.

Nurul Norshahila bt Omar, 2020, National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.

Nurul Syuhada binti Arifin, 2021, Anjung Kasih (Persatuan Kanak-kanak Istimewa Bangi, PKIB), Kajang, Selangor.

Wan Zawati bt Wan Zin, 2020, National Autism Society of Malaysia (NASOM), Kuantan, Pahang.

Zuliza Mohd Kusrin
zuli@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Zahidah Dahalan
zahidah.zz97@gmail.com
Pelajar Siswazah,
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Wafaa' Yusof
wafaa@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Mohd Al Adib Samuri
al_adib@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Nurul Ilyana Muhd Adnan
ilyana_adnan@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

Zaini Nasohah
zbn@ukm.edu.my
Pusat Kajian Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

ROSELIZA MURNI AB RAHMAN
rmurni@ukm.edu.my
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Kepentingan Faktor <i>Fasād Al-Zamān</i> dalam Penetapan Hukum <i>Ijtihādī</i> <i>The Importance of Fasād Al-Zamān over The Determination of Ijtihādī Law</i> Muhammad Iqbal Roslee & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	1-13
Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam <i>Analysis of Harm Retrieval Methods in Islamic Financing Restructuring</i> Erfan Asmaie Khairul Anam, Abdul Basir Mohamad & Mohammad Zaini Yahaya	14-25
Pembangunan Wakaf <i>Dhurri</i>: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi <i>Development of Wakaf Dhurri: The Establishment of Family Companies Towards Sustainable Economic Resources</i> Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli	26-34
Islamic Law of Inheritance and Its Implication amongst Muslim Society: An Empirical Analysis Iqbal Saujan, Seyed Mohamed Mohamed Mazahir & Nasrin Muhammadu Ibrahim	35-51
Cadangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) di Malaysia <i>Proposed Standard Operating Procedure (SOP) for Arrest and Detention of Autistic Individuals for Religious Enforcement Officers (PPA) in Malaysia</i> Zahidah Dahalan, Zuliza Mohd Kusrin, Wafaa' Yusof, Mohd Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd Adnan	52-61
Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam <i>Implementation of Death Penalty in Malaysia From The Islamic Criminal Law Perspective</i> Wafaa' Yusof & Muhammad Hariz Muqri Azmi	62-74
Sabit dan Hukuman Berkaitan Pemandu Mabuk Menurut Hukum Syarak <i>Conviction and Punishment Related to Drunk Drivers According to Islamic Law</i> Amira Adila Sabri & Wafaa Yusof	75-84
The Law of Naval Warfare: A Comparative Analysis in the Islamic Law of Armed Conflict and International Humanitarian Law Begümhan I. Simsir, Geneva Academy	85-90
Penguatkuasaan Penghakiman Sita dan Jual: Pelaksanaan dan Kekangan di Mahkamah Syariah <i>Foreclosure and Sale Judgments Enforcement: Implementation and Constraints in Syariah Courts</i> Mohd. Hazwan Bin Ismail & Jasni Bin Sulong	91-101
<u>Ulasan Buku / Book Review</u> Hamdeh, Emad. 2021. Salafism and Traditionalism: Scholarly Authority in Modern Islam. Cambridge University Press, DOI: 10.1017/9781108756594 Mohd Al Adib Samuri	101-103

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(1)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh
Dr. Asman Taeali
Dr. Muhammad Yasir Yusuf
Dr. Ahmad Nizam
Dr. T. Meldi Kesuma
Sarjiyanto
Shinta Melzatia
Dr. Hamza Hammad
Dr. Nazlida Muhamad
Dr. Madiha Riaz
Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda
Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya
Dr. Azlin Alisa Ahmad
Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,
Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary
Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works
3.0 Unported License
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).
You can download an electronic version online. You
are free to copy, distribute and transmit the work
under the following conditions: Attribution – you
must attribute the work in the manner specified by
the author or licensor (but not in any way that
suggests that they endorse you or your use of the
work); Noncommercial – you may not use this work
for commercial purposes; No Derivate Works – you
may not alter, transform, or build upon this work.